

BAB 4

PERSEPSI USAHAWAN CINA TERHADAP FALSAFAH DAN LATIHAN

4.1 PENGARUH FALSAFAH KONFUSIANISME TERHADAP USAHAWAN CINA

Penelitian terhadap pengaruh falsafah konfusianisme terhadap usahawan Cina pada masa kini adalah perlu dikaji untuk membuat perbandingan dari masa dulu dengan masa kini supaya dapat dibezakan samada mengalami perubahan yang besar pada alaf baru ini.

4.1.1 Kepentingan Hubungan Dan Persahabatan

Dalam kajian penulis, seramai 301 orang responden (97.1%) berpendapat bahawa hubungan dan persahabatan ini penting dalam menjalankan perniagaan. Dengan mempunyai hubungan dan persahabatan yang baik bersama dengan kekuatan yang lain, responden lebih mudah memperolehi kesempatan perniagaan.

Seramai 9 orang responden (2.9%) yang bernama Encik Leong Kian Tat sebagai pemilik kedai alat elektrik, Encik Yap Siu Ong sebagai pemilik kedai barang-barang logam, Cik Annie Ng sebagai pemilik kedai persolekan, Encik Sung sebagai pemilik kedai aksesori kereta, Encik Tong Ang Eng sebagai pemilik kedai runcit, Encik Chan En Teik sebagai pemilik kedai telekomunikasi, Encik Lee Kah Hee sebagai pemilik kedai roti, Encik Wong Hing Yee sebagai pemilik

kilang kasut dan Encik Yip sebagai pemilik kedai farmasi berpendapat bahawa hubungan dan persahabatan adalah tidak penting. Yang penting adalah cara menjalankan operasi perniagaan dengan jujur dan perkhidmatan yang baik, seperti contoh menghantar barang yang dipesan dengan cepat, tepat dan berkualiti. Dengan perkhidmatan yang baik, pelanggan berpuas hati, maka tentulah mempunyai kesempatan lanjutan perniagaan.


Kajian Redding dan Nonini menyokong kuat kepentingan hubungan dan persahabatan, seperti dikatakan oleh pengkaji Nonini: *Guanxi discourse is a euphemized form of a speech about practices associated with subcontracting that mystifies more than it negates the differentials in power and the potentials for exploitation between parties that characterize much subcontracting arrangements (1997:7).*

Jadual 4.1.1: Kepentingan Hubungan Dan Persahabatan

| Kepentingan Hubungan Dan Persahabatan | Peratus | Bilangan |
|--|----------------|-----------------|
| Penting | 97.10% | 301 |
| Tidak Penting | 2.90% | 9 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.1.1: Kepentingan Hubungan Dan Persahabatan



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.1.2 Pengamalan *Xinyong*

Dalam kajian penulis, seramai 151 orang responden (48.71%) masih mengamalkan *xinyong* sebagai strategi perniagaan. Responden yang bernama Tey sebagai pemilik kilang span dan Gan sebagai pemilik kilang perabot berpendapat bahawa menggunakan *xinyong* sebagai strategi perniagaan, rakan perniagaannya berasa lebih mesra, yakin dan percaya dengannya.

Seramai 159 orang responden (51.29%) tidak mengamalkan *xinyong*. Mereka berpendapat bahawa pada masa kini surat perjanjian adalah lebih berkesan dan berjamin daripada amalan *xinyong*. (Lihat Jadual dan Rajah 4.1.2)

Dalam kajian Barton ke atas usahawan Cina di Vietnam, beliau telah membuktikan satu strategi yang digunakan oleh usahawan Cina, iaitu *xinyong*, seperti

yang dikata oleh beliau “*For Chinese businessmen sun yung is the key concept in business relations and the basis for a particular type of business strategy which emphasizes personal relations and the maximization of long term advantage.*”

(Barton 1990:150)


DeGlopper (1972) membuktikan bahawa sekiranya tidak ada *xinyong* maka tidak dapat memulakan perniagaan mereka. Kajian ini membuktikan konsep *xinyong* adalah popular dan tidak boleh diketepikan di Lukang.

Jadual 4.1.2: Pengamalan *Xinyong*

| Pengamalan <i>Xinyong</i> | Peratus | Bilangan |
|---------------------------|---------|----------|
| Ada | 48.71% | 151 |
| Tidak Ada | 51.29% | 159 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.1.2: Pengamalan *Xinyong*



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.1.3 Kepentingan *Xinyong*

Dalam kajian penulis, seramai 189 orang responden (60.97%) berpendapat bahawa *xinyong* itu penting dalam menjalankan perniagaan. Ini adalah kerana mereka menepati *xinyong* sementara melaksanakan surat perjanjian. Di antara responden yang bernama Cik Ngai sebagai pemilik kedai alat tulis, Encik Alex Kwan sebagai pemilik kedai makanan pernah ditipu oleh pelanggannya, jadi dengan lebih terjamin mereka terpaksa menandatangani surat perjanjian dan pesan pembelian (Purchase Order)¹.

Seramai 121 orang responden (39.03%) berpendapat *xinyong* itu tidak penting lagi. Ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa pelanggan sekarang adalah tidak mengamalkan *xinyong* lagi, sekiranya mereka masih mengamalkan *xinyong* maka mereka akan menghadapi risiko yang tinggi.


Jadual 4.1.3: Kepentingan *Xinyong*

| Kepentingan <i>Xinyong</i> | Peratus | Bilangan |
|-----------------------------------|----------------|-----------------|
| Penting | 60.97% | 189 |
| Tidak Penting | 39.03% | 121 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

¹ Purchase order adalah dalam bahasa Inggeris dan biasa digunakan dalam perniagaan seharian oleh usahawan. Singkatan bagi purchase order adalah PO.

Rajah 4.1.3: Kepentingan *Xinyong*



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.1.4 Kerelaan Berniaga Dengan Usahawan Yang Tidak Ada *Xinyong*

Dalam kajian penulis, seramai 212 orang responden (68.39%) berpendapat bahawa tidak rela menjalankan perniagaan dengan usahawan yang tidak ada *xinyong*. Encik Tey sebagai pemilik kilang span dan Gan sebagai pemilik kilang perabot berpendapat bahawa menjalankan perniagaan dengan usahawan yang tidak ada *xinyong* adalah tidak berkekalan. Kemungkinan besar, mereka akan dibelot oleh usahawan yang tidak ada *xinyong*.

Seramai 98 orang responden (31.61%) masih rela berniaga dengan usahawan yang tidak ada *xinyong*. Ini adalah kerana responden yang bernama Teo Kian Fook sebagai pemilik kedai aksesori kereta berpendapat bahawa dengan ada menandatangani surat perjanjian, ini telah mengurangkan risiko yang diambil dan


mereka masih diselamatkan daripada ditipui oleh usahawan yang tidak ada *xinyong*. (Sila Lihat Jadual dan Rajah 4.1.4).

Jadual 4.1.4: Kerelaan Berniaga Dengan Usahawan Yang Tidak Ada *Xinyong*

| Tidak Ada <i>Xinyong</i> | Peratus | Bilangan |
|--------------------------|---------|----------|
| Rela | 31.61% | 98 |
| Tidak Rela | 68.39% | 212 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.1.4: Kerelaan Berniaga Dengan Usahawan Yang Tidak Ada *Xinyong*



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Kesimpulannya, responden yang ada mengamalkan *xinyong* adalah 151 orang, manakala responden yang mengatakan *xinyong* adalah penting mempunyai 189 orang, ini adalah kerana responden yang berpendapat *xinyong* itu penting tidak semestinya mengamalkannya. Untuk mengurangkan risiko yang diambil, mereka mengamalkan *xinyong* bersama dengan menandatangani surat perjanjian,

ini sama dengan responden yang rela berniaga dengan usahawan yang tidak ada *xinyong* [sila lihat jadual 4.1.4(a)].

Jadual 4.1.4(a): Kesimpulan *xinyong*

| | Peratusan | | Bilangan |
|--|---------------|--------|----------|
| Pengamalan <i>xinyong</i> | Ada | 48.71% | 151 |
| | Tidak Ada | 51.29% | 159 |
| Kepentingan <i>xinyong</i> | Penting | 60.97% | 189 |
| | Tidak Penting | 39.03% | 121 |
| Kerelaan Berniagan Dengan Usahawan yang tidak ada <i>xinyong</i> | Rela | 31.61% | 98 |
| | Tidak Rela | 68.39% | 212 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.


4.1.5 Perniagaan Famili

Dalam kajian penulis, seramai 179 orang responden (57.74%) mengaku menjalankan perniagaan famili. Di mana responden menjalankan operasi perniagaan bersama ibu bapa dan ahli famili. Contoh responden adalah Encik Tey sebagai pemilik kilang span, di mana beliau menjalankan perniagaan famili bersama abang, kakak dan ahli famili yang lain lagi. Ini adalah disebabkan oleh ketaatannya terhadap ibu bapa. Di samping itu, responden yang mewarisi perniagaan famili tidak menghadapi masalah seperti masalah mencari pekerjaan, ketiadaan modal untuk perniagaan dan masalah kekurangan tenaga buruh. Akan tetapi seramai 131 orang responden (42.26%) mengatakan tidak menjalankan perniagaan famili. Mereka memulakan perniagaan bersama dengan kawan atau berseorangan.

Jadual 4.1.5: Perniagaan Famili

| Perniagaan Famili | Peratus | Bilangan |
|-------------------|---------|----------|
| Ya | 57.74% | 179 |
| Tidak | 42.26% | 131 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.1.5: Perniagaan Famili

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Gambar (1)



Encik Tey Kock Yew

Gambar (2)



Kilang span yang dimiliki oleh Encik Tey Kock Yew

4.2 PERSEPSI USAHAWAN CINA TERHADAP LATIHAN

Berhubung dengan latihan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan atau swasta, program-program latihan yang disediakan adalah termasuk latihan teknikal, kemahiran asas, pengurusan dan kawalan.

4.2.1 Jenis Latihan

Seramai 89 orang responden (28.71%) berpendapat bahawa latihan teknikal adalah jenis latihan yang paling penting. Ini adalah kerana kilang pemprosesan memerlukan pekerja yang mahir teknik supaya dapat menyelesaikan masalah yang timbul pada masa pemprosesan. Sebagai contoh, responden yang bernama Gan yang mempunyai kilang perabot memerlukan pekerja yang mahir teknik untuk menjalankan mesin yang canggih.

Dalam kajian penulis, seramai 191 orang responden (61.61%) berpendapat bahawa latihan kemahiran asas merupakan jenis latihan yang terpenting dan selalu ditawarkan kepada pekerja. Kemahiran asas adalah merangkumi cara melayan pelanggan, cara menjawab telefon dengan bersopan dan cara pemasaran. Responden yang bernama Quah sebagai pemilik syarikat patrol stesen, Gan sebagai pemilik kilang perabot dan Tey sebagai pemilik kilang span berpendapat bahawa dengan adanya latihan kemahiran asas maka perniagaan seharian adalah bergerak licin.


Seramai 30 orang responden (9.68%) berpendapat bahawa pengurusan dan kawalan adalah jenis latihan yang diutamakan. Pegurusan dan kawalan adalah merangkumi cara mengurus, mengawal dan mentadbir syarikat. Dengan pengurusan yang sistematik maka syarikat tidak mengalami masalah kawalan, Gan sebagai pemilik kilang perabot dan Tey sebagai pemilik kilang span menjalankan latihan pengurusan, ini adalah kerana mereka berhasrat untuk mengukuhkan kilangnya supaya dapat memaju ke arah taraf peringkat antarabangsa.

Jadual 4.2.1: Jenis Latihan

| Jenis Latihan | Peratus | Bilangan |
|------------------------|---------|----------|
| Latihan Teknikal | 28.71% | 89 |
| Kemahiran Asas | 61.61% | 191 |
| Pengurusan dan Kawalan | 9.68% | 30 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.1: Jenis Latihan



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.2.2 Pandangan Terhadap Keperluan Latihan Pekerja

Dalam kajian penulis, seramai 208 orang responden (67.10%) berpendapat bahawa adalah perlu mengadakan latihan pekerja. Ini adalah kerana dengan menawar latihan maka pekerja lebih mahir dalam menjalankan tugasnya.

Manakala seramai 44 orang responden (14.19%) berpendapat bahawa adalah sangat perlu menyediakan latihan kepada pekerja supaya dapat mengguna mesin yang berteknologi tinggi. Terutamanya pekerja yang bekerja di kilang pengeluaran seperti kilang span yang dimiliki oleh Encik Tey, kilang kasut yang dimiliki oleh Encik Chai Kin Cheong, dan kilang perabot yang dimiliki oleh Encik Gan, di mana pekerja memerlukan skil yang mahir untuk menghasilkan barang buatan tempatan yang berkualiti.

Seramai 20 orang responden (6.45%) berasa tidak pasti latihan pekerja itu adalah perlu atau tidak, kerana responden tersebut bekerja perseorangan dan tidak menggaji pekerja.

Seramai 38 orang responden (12.26%) berpendapat bahawa latihan yang disediakan untuk pekerja adalah kurang perlu. Terutamanya kedai makanan yang dimiliki oleh Connie Tung, kedai bunga yang dimiliki oleh Fionne Chong dan kedai fotografer yang dimiliki oleh Encik Wong, ini adalah kerana syarikat tersebut kurang memerlukan pekerja yang mahir.

Tidak terdapat responden yang berpendapat tidak perlu memberi latihan kepada pekerja, ini adalah kerana setiap syarikat sekurang-kurangnya


memberi latihan kepada pekerja yang baru masuk bekerja. Ini termasuk latihan menjalankan tugas kerja seharian serta membantu pekerja baru menyesuaikan diri dalam keadaan syarikat.

Jadual 4.2.2: Pandangan Terhadap Keperluan Latihan Pekerja

| Keperluan Latihan Pekerja | Peratus | Bilangan |
|---------------------------|---------|----------|
| Sangat Perlu | 14.19% | 44 |
| Perlu | 67.10% | 208 |
| Tidak Pasti | 6.45% | 20 |
| Kurang Perlu | 12.26% | 38 |
| Tidak Perlu | 0.00% | 0 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.2: Pandangan Terhadap Keperluan Latihan Pekerja



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.2.3 Pandangan Keperluan Latihan Usahawan Cina

Usahawan Cina yang diselidik juga ditanya mengenai program latihan yang ditawarkan kepada usahawan. Seramai 208 orang responden (67.10%) berpendapat bahawa latihan bagi usahawan Cina adalah kurang perlu. Mereka

berpendapat bahawa mereka sudah mahir dan mempunyai pengalaman semasa mereka menjadi pekerja dalam bidang yang mereka ceburi.

Dalam kajian penulis, tidak terdapat responden yang berpendapat bahawa program latihan adalah sangat perlu ditawarkan kepada usahawan Cina, ini disebabkan mereka penuh keyakinan mengatakan latihan tersebut tidak memberi manfaat kepada mereka. Di samping itu, responden berpendapat pengalaman yang diperolehi melalui operasi perniagaan seharian adalah lebih penting daripada latihan yang diberikan secara teori dan kurangnya praktikal yang sebenar. Ini adalah kerana program latihan yang diberi itu tidak semestinya menggambarkan keadaan sebenar dunia perniagaan.

Dalam kajian penulis, jelas menunjukkan hanya satu perempat responden berpendapat bahawa program latihan itu adalah perlu diadakan untuk usahawan Cina iaitu seramai 78 orang responden (25.16%). Ini adalah kerana teknologi pada masa kini semakin kompleks dan maju, jadi adalah perlu mengadakan latihan untuk memajukan diri supaya dapat menyesuaikan diri dengan dunia yang penuh dengan sains dan teknologi moden. Responden yang bernama Encik Tey sebagai pemilik kilang span berpendapat bahawa program latihan adalah sangat perlu bagi beliau kerana beliau tidak mahir dalam bidang komputer dan beliau sedari bahawa penggunaan komputer adalah sangat penting pada masa yang penuh dengan sains dan teknologi.

Dalam kajian penulis, tidak terdapat responden yang berpendapat bahawa tidak pasti program latihan yang ditawarkan kepada usahawan Cina adalah perlu atau tidak. Ini adalah disebabkan pemilik FKS yang berkeyakinan penuh pernah mendapat maklumat program latihan yang ditawarkan oleh swasta dan kerajaan, jadi mereka boleh memberi pandangan yang jelas dan pasti iaitu samada perlu atau tidak perlu menawarkan latihan program kepada usahawan Cina.


Seramai 24 orang responden (7.74%) berpendapat bahawa tidak perlu mengadakan latihan bagi usahawan. Mereka berpendapat bahawa latihan adalah tidak memberi bantuan kepada mereka dalam bidang perniagaan, yang dapat memberi manfaat kepada mereka adalah praktikal semasa menjalankan operasi perniagaan seharian. Responden yang bernama Alex Ng sebagai pemilik kedai farmasi berpendapat bahawa pengalaman adalah lebih penting kepada FKS.

Jadual 4.2.3: Pandangan Keperluan Latihan Usahawan Cina

| Keperluan Latihan Usahawan Cina | Peratus | Bilangan |
|---------------------------------|---------|----------|
| Sangat Perlu | 0.00% | 0 |
| Perlu | 25.16% | 78 |
| Tidak Pasti | 0.00% | 0 |
| Kurang Perlu | 67.10% | 208 |
| Tidak Perlu | 7.74% | 24 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.3: Pandangan Keperluan Latihan Usahawan Cina



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.2.4 Pandangan Terhadap Latihan

Dalam kajian penulis, seramai 141 orang responden (45.48%) berpendapat bahawa program latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan swasta adalah berguna. Menurut responden yang bernama Hoo sebagai pemilik syarikat software dan Chin sebagai pemilik kedai logam berpendapat bahawa pekerja yang pernah menyertai program latihan adalah lebih mahir berbanding dengan pekerja yang tidak pernah dilatih.

Seramai 106 orang responden (34.19%) mengakui program latihan adalah sangat berguna, terutama responden yang membuka kedai kasut yang dimiliki oleh Encik Chai Kin Cheong, kilang span yang dimiliki oleh Encik Tey, kilang perabot yang dimiliki oleh Encik Gan dan kilang percetakan yang dimiliki oleh Encik Chong. Kesemua kilang tersebut memerlukan pekerja yang mahir dalam penggunaan mesin yang kompleks.

Seramai 51 orang responden (16.45%) tidak pasti samada latihan yang ditawarkan pada masa kini adalah berguna atau tidak. Ini adalah kerana mereka terdiri daripada jenis perniagaan seperti kedai alat tulis, kedai alat elektronik, kedai fotografer dan kedai telekomunikasi. Di mana mereka tidak memerlukan pekerja yang mahir.

Seramai 11 orang responden (3.55%) berpendapat bahawa latihan yang ditawarkan adalah kurang berguna. Menurut kata Encik Wong sebagai pemilik kedai fotografer, Yvonne Lim sebagai pemilik kedai persolekan, Annie Ng sebagai pemilik kedai persolekan dan Alex Kwan sebagai pemilik kedai makanan berpendapat bahawa praktikal semasa menjalankan perniagaan adalah lebih penting daripada teori yang ditawarkan dalam program latihan. Jadi mereka mengakui program latihan adalah kurang berguna dan tidak tepat kepada dunia perniagaan pada masa kini.


Terdapat seorang responden (0.32%) yang bernama Adam Ng sebagai pemilik syarikat percetakan berpendapat bahawa latihan yang ditawarkan adalah tidak berguna. Beliau berpendapat bahawa yang berguna adalah praktikal dan pengalaman yang diperolehi semasa menjalankan perniagaan.

Jadual 4.2.4: Pandangan Terhadap Latihan

| Pandangan Terhadap Latihan | Peratus | Bilangan |
|-----------------------------------|----------------|-----------------|
| Sangat Berguna | 34.19% | 106 |
| Berguna | 45.48% | 141 |
| Tidak Pasti | 16.45% | 51 |
| Kurang Berguna | 3.55% | 11 |
| Tidak Berguna | 0.33% | 1 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.4: Pandangan Terhadap Latihan



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.2.5 Berkaitan Latihan Dengan Aktiviti Firma

Dalam kajian penulis, seramai 151 orang responden (48.71%) berpendapat bahawa program latihan pekerja ada berkaitan dengan kerja sebenar di firma. Ini bermaksud program latihan yang ditawarkan oleh kerajaan atau swasta adalah bermanfaat kepada pekerja dan benar-benar membantu mereka.

Seramai 110 orang responden (35.48%) berpendapat bahawa program latihan pekerja adalah sangat berkaitan dengan kerja sebenar di firma, terutama bagi kedai kasut yang dimiliki oleh Encik Chai Kin Cheong, kilang span yang dimiliki Encik Tey, kilang perabot yang dimiliki oleh Encik Gan, syarikat software yang dimiliki Encik Hoo dan Lee serta kilang percetakan yang dimiliki oleh Encik Chong. Kesemua kilang tersebut memerlukan pekerja yang dilatih dan berpengetahuan untuk menjalankan tugas seharian.

Seramai 37 orang responden (11.94%) berpendapat bahawa latihan adalah kurang berkaitan dengan aktiviti firma, misalnya, seorang responden yang bernama Cik Ngai sebagai pemilik kepada kedai alat tulis berpendapat bahawa program latihan pekerja adalah kurang berkaitan dengan kerja sebenar di firma, terutama pemilik kedai alat tulis, kedai alat elektronik, kedai fotograf dan kedai telekomunikasi. Di mana pekerja yang dilatih itu masih tidak mahir dalam kerja sebenar, mereka perlu dilatih semula oleh pemilik.

Seramai 8 orang responden (2.58%) tidak pasti bahawa program latihan pekerja dengan kerja sebenar di firma, terutama pemilik kedai bunga Fionne Chong, kedai alat elektronik yang dimiliki oleh Encik Leong Kian Tat , kedai fotograf yang dimiliki oleh Encik Wong. Di mana pemilik kedai tersebut tidak pernah menggaji pekerja yang dilatih.


Seramai 4 orang responden (1.29%) berpendapat bahawa program latihan pekerja tidak ada kaitan dengan kerja sebenar di firma. Responden yang bernama Alex Ng sebagai pemilik kedai farmasi, Joe Lee sebagai pemilik kedai barang-barang logam, Loh sebagai pemilik kilang aluminium, dan Lai sebagai pemilik syarikat percetakan berpendapat bahawa latihan itu adalah tidak tepat kepada kerja sebenar. (Sila Lihat Jadual dan Rajah 4.2.5).

Jadual 4.2.5: Berkaitan Latihan Dengan Aktiviti Firma

| Program Berkaitan Dengan Kerja | Peratus | Bilangan |
|---------------------------------------|----------------|-----------------|
| Sangat Berkaitan | 35.48% | 110 |
| Berkaitan | 48.71% | 151 |
| Tidak Pasti | 2.58% | 8 |
| Kurang berkaitan | 11.94% | 37 |
| Tidak Berkaitan | 1.29% | 4 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.5: Berkaitan Latihan Dengan Aktiviti Firma



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.2.6 Program Latihan Dalaman

Dalam kajian penulis, seramai 250 orang responden (80.65%) ada menawarkan program latihan dalaman kepada pekerjaanya. Responden yang bernama Tey sebagai pemilik kilang span menawarkan program yang dilancarkan oleh pengurus, penasihat atau pentadbir syarikat yang berpengalaman. Program latihan dalaman yang ditawarkan adalah seperti cara melayan pelanggan, strategi pemasaran, cara menjawab telefon dan cara menguruskan kerja.

Seramai 60 orang responden (19.35%) tidak menawar program latihan dalaman kepada pekerja. Ini adalah kerana responden yang bernama Joe Lee sebagai pemilik kedai barang-barang logam, Chan sebagai pemilik kedai runcit, Alex Kwan sebagai pemilik kedai makanan, Leong Kian Tat sebagai


pemilik kedai alat elektronik dan Yvonne Lim sebagai pemilik kedai persolekan tidak berkeupayaan menggaji pengurus atau penasihat yang berpengalaman untuk melatih pekerja. (Lihat Jadual dan Rajah 4.2.6).

Jadual 4.2.6: Program Latihan Dalaman

| Latihan Dalaman | Peratus | Bilangan |
|-----------------|---------|----------|
| Ada | 80.65% | 250 |
| Tidak Ada | 19.35% | 60 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.6: Program Latihan Dalaman



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

4.2.7 Penyediaan Peruntukan Untuk Kursus Atau Program Latihan

Dalam kajian penulis, seramai 252 orang responden (81.29%) tidak menyediakan sebarang peruntukan untuk kursus atau program latihan kepada

pekerja. Responden yang bernama Henry Lee sebagai pemilik kilang kasut, Alex Ng sebagai pemilik kedai farmasi, Lee Kah Hock sebagai pemilik syarikat komputer, Jason Tan sebagai pemilik syarikat komputer dan Adam Ng sebagai pemilik syarikat percetakan memberi alasan bahawa mereka tidak ada belanjawan untuk pekerja menyertai kursus atau latihan. Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa pergerakan pekerja kerap berlaku, di mana pekerja tidak akan berkerja lama di syarikat sebaik sahaja memberi peruntukan latihan kepada pekerja. Di mana pekerja itu akan berhenti kerja dan memohon kerja yang mempunyai gaji yang lebih lumayan di syarikat besar.


Seramai 58 orang responden (18.71%) menyediakan peruntukan untuk pekerja menyertai kursus atau program latihan. Responden yang bernama Hoo sebagai pemilik syarikat software, Tey sebagai pemilik kilang span, Jason Lim sebagai pemilik syarikat alat-alat elektrik dan Gan sebagai pemilik kilang perabot berpendapat bahawa pekerja yang menyertai kursus atau program latihan adalah lebih berskil dan mahir dalam menggunakan mesin yang berteknologi tinggi. (Sila Lihat Jadual dan Rajah 4.2.7).

Jadual 4.2.7: Penyediaan Peruntukan Untuk Kursus Atau Program Latihan

| Peruntukan Untuk Kursus Atau Program Latihan | Peratus | Bilangan |
|--|---------|----------|
| Ada | 18.71% | 58 |
| Tidak Ada | 81.29% | 252 |
| Jumlah | 100% | 310 |

Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Rajah 4.2.7: Penyediaan Peruntukan Untuk Kursus Atau Program Latihan



Sumber: Kajian Daripada Kerja Lapangan Penulis.

Secara kesimpulan, kepentingan latihan adalah berkait rapat dengan kedai atau kilang FKS, misalnya FKS yang mempunyai kilang adalah mengutamakan pengeluaran maka memerlukan pekerja yang mahir untuk mengoperasi mesin yang canggih, jadi mereka mementingkan latihan pekerja. Bagi FKS yang membuka kedai alat tulis, kedai barang-barang logam, kedai bunga dan lain-lain lagi mementingkan jualan produk, jadi tidak memerlukan pekerja mahir untuk mengeluarkan produk. Ekoran daripada itu, mereka tidak mementingkan latihan pekerja.